

# CENFED tingkat prestasi syarikat

UMP bantu majukan sektor perindustrian, pembinaan dan perkilangan

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani  
bhnews@bharian.com.my

**K**UANTAN: Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP) merancang pelbagai program bagi membantu meningkatkan prestasi tenaga kerja syarikat terutama yang terbabit dalam perindustrian, pembinaan dan perkilangan.

Pengarahnya, Dr Omar Jamaludin, berkata beberapa projek baru sedang diusahakan terutama program yang dapat memberi impak lebih besar pada peringkat kebangsaan selaras dengan objektif penubuhannya tujuh tahun lalu.

"Kita sedang merancang memperkenalkan program peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana ditawarkan secara separuh masa bagi memberi peluang mereka berminat mengikuti program ini tetapi menghadapi kekangan waktu meneruskan pengajian.

"Sebagai pusat pengajian berterusan kita membuka peluang ini kepada mereka berminat mengikuti program yang dapat membantu meningkatkan kualiti akademik dan kualiti operasi syarikat," katanya ketika ditemui di pejabatnya di UMP, baru-baru ini.

Bagi tujuan itu, Omar berkata, CENFED bakal memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Industri, merancang menubuhkan Alumni CENFED, menjalin kerjasama dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Pahang di bidang kejuruteraan forensik, akan menjalankan program latihan 'Malaysia Training Programme PSMB' dalam memberi latihan berbentuk 'up-skilling' dan re-skilling'.

Katanya, CENFED juga akan memperkenalkan program Skim latihan Dual Nasional (SLDN) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM)



**“**Kita sedang merancang memperkenalkan program peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana ditawarkan secara separuh masa bagi memberi peluang mereka berminat mengikuti program ini tetapi menghadapi kekangan waktu meneruskan pengajian**”**

**Omar Jamaludin**  
Pegarah CENFED

dalam memberi latihan kemahiran di bidang teknikal.

Beliau berkata, baru-baru ini CENFED dilantik Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi melaksanakan program iaitu Sinar ECER kepada 170 anak peserta Projek Agropolitan Pekan yang berusia antara enam



PELAJAR yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan industri menjalani latihan mengenai keselamatan industri yang dikendalikan CENFED, UMP.

hingga 12 tahun.

"Program ini mengandungi tiga modul iaitu Modul Pendedahan, Modul Pendidikan dan Modul Pengembangan.

"Program ini berjalan selama lapan bulan bermula April lalu dan dijangka tamat pada Disember depan," katanya.

Beliau berkata, CENFED adalah

penyedia latihan berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Perbadanan Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

"CENFED juga penyedia latihan profesional (PTP) bagi melatih pekerja

dari perusahaan kecil dan sederhana (IKS) sebagai usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka," katanya.

Mereka yang berminat mengikuti kursus di CENFED, boleh menghubungi Bahagian Pemasaran dan Pengantarabangsaan di 09-549 2629/3376 atau layari laman web, <http://cenfed.ump.edu.my>

● AINAL MARHATON ABD GHANI | BERITA HARIAN